

## Majlis Aidilfitri MADANI Jabatan Perdana Menteri



Anwar pada sambutan Aidilfitri MADANI 2025 Jabatan Perdana Menteri di Puspanitapuri, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

# Sidang khas Dewan Rakyat bincang isu tarif

## PM sahkan sidang akan diadakan pada 5 Mei ini

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Dewan Rakyat akan mengadakan sidang khas pada 5 Mei ini bagi membincangkan isu tarif Amerika Syarikat (AS) yang dikenakan terhadap negara lain,

termasuk Malaysia.

Perkara itu disahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam.

"Ya ada (sidang khas Dewan Rakyat pada 5 Mei ini)," katanya ketika ditemui pada Majlis Aidilfitri MADANI Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri

Abu Bakar.

Media sebelum ini melaporkan notis sudah dikeluarkan untuk mengadakan sidang khas berkenaan.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dijadual mengadakan lawatan kerja ke Washington, pada 24 April ini bagi membincangkan isu tarif terbabit.

Beliau dijangka mengadakan pertemuan dengan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (US-

TR), Jamieson Greer dan beberapa pegawai kanan lain.

### Bertemu dewan perniagaan

Beliau dilaporkan berkata, lawatan kerja dua hari itu juga akan dimanfaatkan untuk bertemu dengan dewan perniagaan, syarikat dan kumpulan berkepentingan bagi menjelaskan pendirian Malaysia sebagai negara neutral serta kepentingannya dalam sektor strategik seperti semikonduktor dan elektrik dan elektronik/E&E).